

2
0
1
6



LAPORAN TAHUNAN

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN



Isi Kandungan

- 5 Profil Korporat**
- 18 Pemerkasaan Program Latihan & Personel Kemahiran**
- 61 Kursus Antarabangsa**
- 80 Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK)**
- 93 Pencapaian CIAST 2016**
- 100 Kaji Selidik**
- 110 Aktiviti Korporat**
- 128 Jalinan Warga**

Perutusan

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dan syabas diucapkan kepada Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) kerana berjaya menghasilkan Laporan Tahunan CIAST 2016 yang menggunakan konsep e-book dalam penerbitan kali ini. Pendekatan kepada konsep sebegini akan dapat mendedahkan program dan aktiviti CIAST kepada umum secara lebih meluas lagi.

Laporan tahunan ini memaparkan prestasi dan pencapaian yang amat baik oleh CIAST sepanjang tahun 2016. Usaha gigih yang ditunjukkan oleh warga CIAST telah memacu pencapaian objektif dan sasaran yang telah ditetapkan. Ini membuktikan bahawa visi dan misi CIAST bertepatan dengan peranan yang ditunjukkan.

Tahun 2016 merupakan tahun yang gemilang buat CIAST kerana telah berjaya menganjurkan Program Karnival dan Ekspos Kemahiran Kebangsaan (KEKK) yang diadakan bersempena dengan *ASEAN Skills Competition (ASC)* 2016, yang turut mencapai beberapa catatan *Malaysia Book of Records*. Program yang padat dan penuh pengisian ini mencerminkan pemerkasaan latihan kemahiran untuk seluruh rakyat dan telah mencetus satu sejarah serta fenomena baru latihan kemahiran di Malaysia.

Satu daripada enam teras Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) adalah meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju. Pembangunan pangkalan data berpusat mengenai profil jurang kompetensi merupakan salah satu usaha untuk memenuhi teras ini di samping menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan kepada pengajar. Untuk memenuhi matlamat ini, CIAST telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan satu projek *Profiling Pengajar Kemahiran*. Analisa data daripada projek ini dapat digunakan untuk membangunkan pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dengan memberikan latihan yang bersesuaian mengikut perubahan industri dan teknologi.

Saya yakin CIAST akan terus memberi perkhidmatan yang cemerlang bagi membantu JPK membangunkan modal insan bertaraf dunia dan berkemahiran seiring dengan agenda negara. Oleh itu adalah menjadi harapan saya agar CIAST dapat meneruskan kecemerlangan ini bagi menjamin kesinambungan kejayaan aktiviti tersebut. Ucapan tahniah dan syabas sekali lagi untuk seluruh warga CIAST dengan iringan doa agar CIAST akan sentiasa bergerak ke hadapan.

Sekian, terima kasih.



NIDZAM BIN KAMARULZAMAN

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Perutusan

Pengarah CIAST

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan kepada Allah SWT di atas limpah kurniaNya, CIAST telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dalam usahanya untuk memartabat dan memperkasakan pengajar kemahiran negara. Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak di dalam penerbitan buku Laporan Tahunan 2016 yang berkonsepkan e-book ini. Di kesempatan ini saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua warga CIAST yang telah bertungkus lumus menjalankan tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2016. Secara umumnya, pencapaian setiap aktiviti yang telah dirancang pada tahun 2016 adalah membanggakan di mana pelbagai usaha dan semangat kerja berpasukan telah menjamin kejayaan setiap aktiviti yang dijalankan.

Tahun 2016 menyaksikan CIAST telah berjaya meningkatkan lagi penyertaan peserta iaitu seramai 2563 peserta (16.39%) berbanding pada tahun 2015. Jumlah keseluruhan peserta yang telah berjaya dilatih sepanjang tahun 2016 ialah seramai 18,198 peserta. Ini merangkumi kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang yang telah dianjurkan oleh CIAST. Data ini membuktikan bahawa CIAST telah mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan.

Kejayaan 2016 ditambah dengan penganjuran acara kemahiran terbesar di Malaysia iaitu Program Karnival & Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK). Program ini berjaya menarik pengunjung seramai 127,500 orang awam dan 38 agensi awam/swasta. Antara aktiviti utama yang dijalankan secara serentak di dalam program tersebut ialah Majlis Konvokesyen CIAST, Persidangan *Technical Vocational Education and Training* (TVET), Seminar Industri, Carian kerja, Pameran dan Pertunjukan, Pertandingan dan *Try A Skills*. Program KEKK kali ini telah mencatat nama di dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) melalui aktiviti Perhimpunan Perantis TVET terbesar bagi Servis Motosikal dan Menggunting Rambut serta Jahitan Manik Bunga Raya terbesar.

Sebagai langkah melahirkan tenaga pengajar yang diiktiraf dan kompeten, Unit Profail Pengajar Kemahiran telah diwujudkan. Ia bertujuan membangunkan pangkalan data pengajar-pengajar kemahiran di seluruh Malaysia. *Ability Checklist* bagi setiap bidang telah dibangunkan oleh pakar-pakar dalam bidang berkenaan dengan mengaplikasikan kaedah Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure (CUDBAS). Latihan bagi peningkatan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman adalah mengikut keperluan dalam profail tenaga pengajar berkenaan. Kaedah ini bertepatan dengan slogan "*Right Trainer, Right Training, Right Time*".

Akhir kata, sekali lagi diucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga CIAST. Semoga dengan terbitnya laporan tahunan ini akan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan informasi mengenai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dan memberi inspirasi untuk program pada tahun seterusnya.

Sekian, terima kasih.


SUIMI BIN ABD MAJID

Pengarah
Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)

BAB

01

PROFIL KORPORAT

MISI

Membangunkan pengajar bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi

VISI

Organisasi peneraju dalam membangun dan memperkasakan pengajar bertaraf dunia dalam bidang kemahiran



OBJEKTIF

- * Melahirkan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan institut latihan kemahiran negara
- * Meningkatkan tenaga pengajar secara berterusan dalam bidang kemahiran dan metodologi latihan mengikut perkembangan teknologi
- * Mentauliah tenaga pengajar dan pakar industri selaras dengan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
- * Memperkayakan kurikulum latihan kemahiran
- * Memperkuuhkan hubungan dan latihan antarabangsa
- * Memantapkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi serta sistem pembelajaran elektronik dan multimedia
- * Menyediakan persekitaran dan kemudahan latihan yang kondusif dan relevan
- * Memupuk nilai murni, sikap yang positif dan budaya kerja yang sihat kepada tenaga pengajar

PIAGAM PELANGGAN

01



Mengarusperdanakan latihan kemahiran dengan menyedia dan mengendalikan program latihan pengajar dan latihan kemahiran yang berkualiti bersesuaian dengan keperluan institut latihan kemahiran negara dan perkembangan teknologi semasa;



Mengiklankan dan menyebarkan maklumat peluang latihan yang dijalankan kepada masyarakat umum. Permohonan kursus adalah terbuka sepanjang tahun. Tawaran kursus kepada mereka yang berjaya akan dikeluarkan selewat-lewatnya satu bulan sebelum kursus bermula;



02



Membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi memantapkan penyampaian latihan di pusat bertauliah awam dan swasta mengikut keperluan sektor industri negara;



Mentauliah tenaga pengajar yang berkompeten dan berkelayakan mengikut standard pekerjaan kemahiran kebangsaan; dan



04



Menyediakan prasarana pembelajaran, kelengkapan latihan, infrastruktur ICT yang lengkap dan persekitaran yang kondusif bagi memenuhi kepuasan pelanggan.



05



Menyediakan prasarana pembelajaran, kelengkapan latihan, infrastruktur ICT yang lengkap dan persekitaran yang kondusif bagi memenuhi kepuasan pelanggan.

DASAR

KUALITI JABATAN

CIAST adalah komited untuk menyedia dan melaksanakan perkhidmatan latihan yang berkualiti selaras dengan kehendak pelanggan khususnya dan keperluan Negara amnya serta akan sentiasa memperbaiki keberkesanan perkhidmatannya.

CIAST juga menggalakkan penglibatan kesemua kakitangan dalam mengamalkan peningkatan kualiti kerja secara berterusan.



SENARAI ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2016

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED	PROGRAM	TARIKH MULA BERTUGAS DI CIAST
1	Amir bin Mohamed	PLV	DV41	SPD	16.09.2010
2	Asiah binti Sulaiman	PPT	N29	KP	01.04.2009
3	Asrin Husairi bin Abdul Halim	PT (P/O)	N19	KP	03.03.2003
4	Assyirazi bin Mohammad Amin Rebuhan	PLV	DV44	KORP	18.03.2013
5	Bizaisham bin Bidin	PLV	DV44	SPD	29.05.2013
6	Mazni binti Osman	PPLV	DV36	PPK	01.01.2003
7	Mohamad Adry bin Harun	PLV	DV44	SPD	01.11.2011
8	Mohamad Faisal bin Abdullah	PLV	DV48	KK	01.11.2009
9	Mohd Faisal bin Yusof	PLV	DV44	PPL	11.01.2013
10	Mohd Noor bin Menhad	PLV	DV44	PPK	01.04.1999
11	Muhammad Riyani bin Makhtar	PPLV	DV29	PPK	31.12.2012
12	Nor Salisah binti Mohd Nasir	PT (P/O)	N19	KP	03.01.2006
13	Norhisyam bin Dasuki	PLV	DV48	PEM	02.11.2009
14	Rohani a/p Ngandi	PLV	DV44	KK	27.01.2012
15	Roslin binti Mohd Basri	PLV	DV48	PPK	16.06.2004
16	Rozita binti Mohd Rashid	PPLV	DV36	PPL	12.03.2001
17	Semai Azura binti Seman	PLV	DV41	PEM	16.02.2012
18	Shahabudin bin Md Nor	PPLV	DV38	SPD	01.07.2003
19	Syurhawati binti A. Rahim	PLV	DV41	PPK	16.08.2010
20	Wan Mimie Noraihan binti Wan Abd Rahman	PT (P/O)	N19	KP	20.04.2009
21	Ganesan a/l Murugesu	PLV	DV44	KK	01.4.2010



Pengurusan Tertiinggi CIAST



Bahagian Khidmat Pengurusan



Program Perancangan dan Pembangunan Latihan



Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia



Program Pembangunan Profesional Kemahiran



Program Pembangunan Pengajar Kemahiran



Program Kelayakan Kekompetenan



Bahagian Korporat



BAB 02

PEMERKASAAN PROGRAM LATIHAN DAN PERSONEL KEMAHIRAN

Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan)

Latihan Kemahiran Jangka Panjang di CIAST:

- ◆ **Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO)**
- ◆ **Sijil Pengajar Vokasional (SKM Tahap 3+VTO)**
- ◆ **Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)**

NAMA PROGRAM	PENGAMBILAN		ENROLMEN		KELUARAN	
	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta
Sijil (VTO)	3	477	6	808	7	636
SKM Tahap 3 + VTO	3	33	9	108	4	41
DLPV	5	30	18	115	6	45
Sijil (VTO) – Kampus Satelit CIAST	3	425	5	998	6	907
Jumlah	14	965	38	2029	23	1629

Pecahan pelatih bagi Latihan Kemahiran Jangka Panjang mengikut program



PROGRAM VOCATIONAL TRAINING OFFICER (VTO), VOCATIONAL TRAINING EXECUTIVE (VTE) DAN VOCATIONAL TRAINING MANAGER (VTM) SECARA FAST TRACK DAN SINGLE TIER MELALUI KAEADAH PPT

Program ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempersijilkan individu yang berkelayakan dan berpengalaman dalam metodologi latihan sebagai *Vocational Training Officer (VTO)*, *Vocational Training Executive (VTE)* dan *Vocational Training Manager (VTM)* secara *Fast Track* dan *Single Tier* melalui kaedah PPT. Pelaksanaan program bagi Fasa I ialah dari 14 Februari 2011 hingga 30 Ogos 2012 manakala Fasa II bermula dari 01 Oktober 2012 hingga 30 September 2014. Program ini seterusnya telah dilanjutkan ke Fasa III iaitu bermula 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2016.

Tiga kaedah yang digunakan dalam melaksanakan Program VTO/VTEM Secara *Fast Track* dan *Single Tier* melalui kaedah PPT pada tahun 2016 adalah seperti berikut :

- i. Kaedah Analisa Jurang Kompetensi dan Temuduga – Permohonan individu dan agensi yang mengikut garis panduan sedia ada.
- ii. Kaedah *Green Lane* – Pelaksanaan secara temuduga bagi Pegawai Pengurusan Atasan JPK/CIAST dengan kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK).
- iii. Program Khas – Pelaksanaan secara kursus dan temuduga kepada 3 agensi iaitu Bahagian

Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia dan GIATMARA dengan kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK). Pada tahun 2016 seramai 1,832 orang telah dipersijilkan VTO/VTE/VTM. Berikut adalah jumlah pelaksanaan dan pencapaian Program VTO/VTE/VTM Secara *Fast Track* dan *Single Tier* melalui kaedah PPT 2016.

TAHAP	PELAKSANAAN			PENCAPAIAN	
	ANALISA JURANG KOMPETENSI	TEMUDUGA	KURSUS	PC	LAYAK
VTO	315	335	1047	26	1448
VTE	57	85	-	-	159
VTM	259	156	224	-	225
JUMLAH	631	576	1271	26	1,832



**Program VTD/VTE/VTM Secara Single Tier
Melalui Kaedah PPT Secara Green Lane
Bagi Pegawai Pengurusan Atasan JPK/CIAST
pada 19 Januari 2016 di Pejabat KPPK, JPK Putrajaya**



Sesi temuduga sedang dijalankan

PROGRAM KHAS VTO/VTE/VTM MELALUI KAE DAH PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)

Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bertujuan untuk mempersijilkan personel yang berpengalaman, berpengetahuan, berkemahiran dan berkelayakan dengan persijilan VTO/VTE/VTM. Program khas ini hanya tertakluk kepada agensi yang mendapat kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK).

Pelaksanaan program adalah secara berkelompok yang diselaras oleh pihak agensi yang memohon. Seramai 1,487 calon telah dipersijilkan yang melibatkan 3 agensi iaitu Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia dan GIATMARA.

Berikut adalah pencapaian Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

AGENSI	PENCAPAIAN			
	VTO	VTE	VTM	PC
BPTV	1143	35	91	4
JTM	22	38	25	0
GIATMARA	77	10	29	13
JUMLAH	1242	83	145	17



LAPORAN UNIT LATIHAN & KONSULTASI KURIKULUM SLDN

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) mula diperkenalkan pada tahun 2005 bertujuan menyediakan tenaga kerja mahir negara (k-Pekerja) melalui satu kaedah latihan komprehensif dan terkini yang memenuhi kehendak industri semasa. Sehubungan dengan itu, Unit Latihan & Konsultasi Kurikulum SLDN (ULKK SLDN) dari Program SPD, CIAST telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan siri latihan dalam memberi kefahaman dan pendedahan serta pemantapan personel SLDN dalam pelaksanaan SLDN di Malaysia.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 113 kursus dengan kapasiti 3,194 personel SLDN telah mengikuti kursus-kursus di bawah Program Latihan Pembangunan dan Pemantapan Personel SLDN. Butiran kursus-kursus yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

NAMA PROGRAM	KURSUS	PESERTA
(A) TRAINER TRAINING PROGRAMME	13	239
(B) COACH TRAINING PROGRAMME	26	508
(C) SOCIAL SKILLS & VALUES	7	176
(D) INDUKSI SLDN	24	642
(E) PEMANTAPAN DSE	2	39
(F) BENGKEL PENAMBAHBAIKAN BAHAN PENILAIAN SLDN	6	118
(F) PEMURNIAN SLDN	2	29
JUMLAH	113	3194



LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI (LSI)

Latihan Sangkutan Industri (LSI) merupakan satu program penempatan pengajar kemahiran Institut Latihan Awam (ILA) menjalani latihan industri secara terancang dan diselia oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan di industri. Bermula tahun 2016, tempoh pelaksanaan Program LSI adalah fleksibel di mana pengajar boleh menjalani LSI antara 1 minggu hingga 3 bulan dan boleh dilaksanakan secara berfasa. Penempatan LSI juga kini boleh dibuat di Institusi Latihan Awam dan Swasta. Program ini mengguna peruntukan Program Pembangunan (P46) di bawah tajuk Program Perkongsian Tenaga Pengajar.

Dengan program LSI, pengajar-pengajar dapat meningkatkan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan terhadap perkembangan teknologi terkini dalam bidang pengkhususan kemahiran masing-masing. Pengajar juga akan lebih berkeyakinan dan berpengalaman dengan persekitaran kerja di sektor industri.

Pada tahun 2016, penempatan LSI melibatkan 87 orang pengajar ILA dan 78 buah firma / industri.

Bil.	Agensi	Jumlah
1	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	44
2	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	0
3	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti	19
4	Bahagian Pembangunan Teknik dan Vokasional (BPTV)	0
5	CENTEXS	0
6	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)	0
7	Jabatan Tenaga Manusia	11
8	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	4
9	Jabatan Penjara Malaysia	0
10	Jabatan Pendidikan Politeknik	8
11	Jabatan Pembangunan Kemahiran/CIAST	1
	Jumlah	87

Penyertaan Latihan Sangkutan Industri (LSI) 2016

Pecahan Penempatan LSI Mengikut Industri

SEKTOR BANGUNAN DAN PEMBINAAN

15 %

SEKTOR PERKHIDMATAN & PENYELENGGARAAN MEKANIKAL & ELEKTRIK

16 %

SEKTOR HOSPITALITI & PELANCONGAN

10 %

SEKTOR PENGANGKUTAN

16 %

SEKTOR BAHAN

5 %

Pecahan Penempatan LSI Mengikut Industri

**SEKTOR TEKNOLOGI
MAKLUMAT &
KOMUNIKASI**

6 %

**SEKTOR ELEKTRIK &
ELEKTRONIK,
TELEKOMUNIKASI
& INDUSTRI
 PENYIARAN**

5 %

**SEKTOR
PERUBATAN &
FARMASEUTIKAL**

5 %

**SEKTOR TEKSTIL &
PAKAIAN**

5 %

**SEKTOR
PEMESINAN &
PERALATAN**

5 %

Pecahan Penempatan LSI Mengikut Industri

SEKTOR SUMBER ASAS

2 %

SEKTOR PERCETAKAN

2 %

SEKTOR LANSKAP & ALAM SEKITAR

3 %

SEKTOR PEMBUNGKUSAN

1 %

SEKTOR HIASAN DALAMAN

1 %



Peserta menjalani LSI di N.K Elektrik Enterprise



LSI di IKBN Jitra, Kedah



Lawatan Pemantauan LSI di Jovian Mandagie, Shah Alam

PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI)

Program PKI merupakan platform bagi Pakar Industri bidang kemahiran/ TVET dalam menjalankan Perkongsian Kepakaran Industri bersama dengan pengajar dan pelajar di Insitut Latihan Awam. CIAST telah dipertanggungjawabkan dalam menyelaras semua agensi awam. PKI telah mendapat peruntukan tahunan Program Pembangunan (P46) iaitu dibawah tajuk Program Perkongsian Tenaga Pengajar.

PKI bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi semasa bagi pengajar di ILKA dengan kaedah mendapatkan khidmat Pakar Industri bagi bidang kemahiran/TVET melalui aktiviti seperti ceramah, syarahan, latihan dan seumpamanya. Pakar Industri adalah individu/pekerja industri yang mahir, berpengalaman dan pengamal (*practitioner*) dalam industri yang berkaitan. Pelaksanaan PKI 2016, adalah seperti di jadual dibawah:

Pelaksanaan Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) Tahun 2016

Bil.	Agensi	Institut	Tarikh Perlaksanaan	Bidang	Peserta
1	KBS	IKBN Jitra	25-27/9/2016	Teknologi Mekanikal	15
2		IKBN Jitra	24-26/7/2016	Automotif	25
3		IKBN Pekan	3-4/9/2016	Drawing	12
4		IKBN Pekan	5-7/9/2016	Fabrikasi	8
5		IKBN Peretak	24-25/9/2016	Seni Lukis & Seni Reka	26
6		IKTBN Bachok	29-30/08/2016	Pembinaan	30
7		IKTBN Chembong	1-2/6/2016	Automotif	33
8		IKTBN Sepang	16-18/8/2016	Elektrik dan Teknologi Hijau	113
9		IKTBN Alor Gajah	1/10/2016	Perniagaan Dan Perunding Kecantikan	40
10		IKTBN Alor Gajah	2/10/2016	Protokol Dan Istiadat & Pengurusan Sukan Golf	40

Pelaksanaan Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) Tahun 2016

Bil.	Agensi	Institut	Tarikh Perlaksanaan	Bidang	Peserta
11	JTM	ILP Selendar	26-28/7/2016	Teknologi Maklumat	12
12		ADTEC Bintulu	16-18/8/2016	Automotif	12
13		ADTEC Bintulu	12-14/10/2016	<i>Oil & Gas</i>	9
14		ADTEC Jerantut	17-19/10/2016	Kejuruteraan Polimer	12
14	Kolej Komuniti	Kolej Komuniti Sabak Bernam	14-16/8/2016	Education	30
15		Kolej Komuniti Penampang	17-19/8/2016	<i>Building Information Modelling - BIM</i>	40
16	Politeknik	Politeknik Azlan Shah	23/9/2016	ICT	90
17		Politeknik Dungun	30-31/5/2016	Sains Komputer	30
18		Politeknik T.S.Bahiyah	4-6/10/2016	<i>Embedded System & Robotic</i>	30
				JUMLAH	607



KAMPUS SATELIT CIAST (CSC)

Sasaran pengambilan pelajar CSC Fasa 1 bagi Kursus VTO jangka panjang bagi tahun 2016 adalah seramai 225 orang. Rekod mencatat pengambilan bagi bulan Oktober adalah seramai 116 orang. Manakala bagi CSC Fasa 2 jumlah pengambilan adalah seramai 310 orang pelajar berbanding sasaran sebenar adalah seramai 525 orang pelajar.

KAPASITI PENGAMBILAN PELAJAR CSC FASA 1

Bil	Kampus Satelit CSC FASA 1	SASARAN KAPASITI PENGAMBILAN		PENGAMBILAN PELAJAR (SEBENAR)		
		Bil. sesi	Jumlah	JAN 2016	MEI 2016	OKT 2016
1	ADTEC Taiping	3	75	-	-	30
2	ILP Marang	3	75	-	-	27
3	ILP Sandakan	3	75	-	-	29
4	ADTEC Bintulu	3	75	-	-	-
5	ILP Selandar	3	75	-	-	30
6	Kolej Yayasan Sabah	3	75	-	-	-
7	Kolej AiTC Kuching	3	75	-	-	-
		JUMLAH	225	-	-	116
		JUMLAH KESELURUHAN (SEBENAR)		116		

Bil	Kampus Satelit CSC FASA 2	SASARAN KAPASITI PENGAMBILAN		PENGAMBILAN PELAJAR (SEBENAR)		
		Bil. sesi	Jumlah	JAN 2016	MEI 2016	OKT 2016
1	ILP Kepala Batas	3	75	25	25	30
2	ILP Kota Bharu	3	75	25	25	29
3	ADTEC Melaka	3	75	26	25	-
4	ADTEC Jerantut	3	75	25	25	-
5	ADTEC Batu Pahat	3	75	25	25	-
6	IKBN Kuala Langat	2	50	-	-	-
7	IKBN Kemasik	2	50	-	-	-
8	Kolej Pertanian Malaysia NATC	2	50	-	-	-
JUMLAH			525	126	125	59
JUMLAH KESELURUHAN (SEBENAR)				310		


KAPASITI PENGAMBILAN PELAJAR CSC FASA 2




Kursus Jangka Pendek

KURSUS MODULAR & CUSTOMISED

Pemantauan yang kerap dilaksanakan oleh pihak Audit Dalaman yang telah dilantik oleh Pengarah atau Wakil Pengurusan (WP). Perancangan dan pelaksanaan kursus *Modular & Customised* ini adalah mengikut Kalendar Latihan Tahunan 2016. Berikut adalah bilangan kursus yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016.



Bilangan Kursus jangka pendek yang dijalankan oleh Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK)



Bilangan Peserta Kursus yang menghadiri kursus-kursus yang dijalankan oleh Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK)

BENGKEL E-PROFILING 2016

Berikut adalah gambar-gambar aktiviti bengkel e-Profiling yang dijalankan pada tahun ini di beberapa buah negeri iaitu Kuala Lumpur, Shah Alam, Langkawi, Sabah dan Sarawak.



Nama aktiviti : Bengkel e-Profiling siri 1/2016

Tarikh : 1-3 November 2016

Tempat : Institut Pengurusan Peladang (IPP), Langkawi



Nama aktiviti : Bengkel e-Profiling siri 2/2016

Tarikh : 11-13 Oktober 2016

Tempat : The Klagans Hotel, Kota Kinabalu, Sabah



Nama aktiviti : Bengkel e-Profiling siri 1/2016

Tarikh : 1-3 November 2016

Tempat : Institut Pengurusan Peladang (IPP), Langkawi





Nama aktiviti : Bengkel e-Profilin siri 3/2016

Tarikh : 17-19 Oktober 2016

Tempat : Putra KL Hotel, WP Kuala Lumpur



Nama aktiviti : Bengkel e-Profilin siri 4/2016

Tarikh : 24-26 Oktober 2016

Tempat : Institut Pengurusan Peladang (IPP), Langkawi



Nama aktiviti : Bengkel e-Profiling siri 5/2016

Tarikh : 1-3 November 2016

Tempat : Crystal Crown Hotel, Pelabuhan Klang, Selangor

Profiling Pengajar Kemahiran

Profiling Pengajar Kemahiran adalah satu projek dimana pengumpulan keterampilan pengajar kemahiran dikumpulkan dan disatukan untuk dibandingkan dengan ability checklist untuk mendapatkan jurang kompetensi pengajar. Ability checklist dihasilkan dengan menggunakan kaedah CUDBAS (Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure)

Sejajar dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk melahirkan ramai tenaga mahir negara, Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia (PEM), CIAST menawarkan kursus jangka pendek dalam bidang ICT. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran para peserta. Program ini mengendalikan kursus jangka pendek seperti Kursus Modular, Kursus *Customised*, Kursus *Crash Programme*, *Reskilling* dan Kursus *In-House*.

Pelaksanaan kursus di bawah program ini telah berjaya direalisasikan pada tahun 2016 dengan melatih seramai **215** orang peserta yang terdiri daripada pelbagai intitusi latihan awam dan swasta.

KURSUS MODULAR

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BIL PESERTA YANG HADIR
1.	<i>Graphic Editing</i>	8-9 Mac 2016	5
2.	<i>Mobile Learning Apps For iOS (iPHONE & iPAD)</i>	5-7 April 2016	5
3.	<i>MM Audia Fidelity PA System</i>	5-7 April 2016	7
4.	<i>Mobile Learning Apps For Android</i>	12-14 April 2016	7
5.	<i>IT Network Administration Bootcamp PRA-PKM/Myskills</i>	9-13 May 2016	4
6.	<i>Instructional Video Production</i>	17-19 May 2016	5
7.	<i>PHP Programming</i>	8-9 Jun 2016	11
8.	<i>High Impact Animation</i>	2-4 Ogos 2016	10
9.	<i>Mobile Learning App For Android</i>	2-4 Ogos 2016	14
10.	<i>Creative Presentation With Prezi</i>	16-17 Ogos 2016	6
11.	<i>IT Network System Administration</i>	22-26 Ogos 2016	13
12.	<i>MM Audio Fidelity PA System</i>	6-8 September 2016	6
13.	<i>Instructional Video Production</i>	18-20 Oktober 2016	5
14.	<i>Creating Blog</i>	25 Oktober 2016	6

KURSUS RESKILLING

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BIL PESERTA YANG HADIR
1.	<i>Learning Management System Using Adobe Captivate 8</i>	11 - 15 April, 2016	10
2.	<i>Aerial View Photography and Videography</i>	20 - 22 April, 2016	10
3.	<i>Mastering Softchalk Cloud</i>	13 - 15 Jun, 2016	8
4.	<i>Advanced and Creative Video Production with Visual Effects and Motion Graphics</i>	8 - 10 Ogos, 2016	10
5.	<i>Interfacing Biometric with PHP</i>	4 - 7 Okt, 2016	8
6.	<i>Interactive Digital Presentation (Adobe Flash & Prezi)</i>	26 - 27 Okt, 2016	12
7.	Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPISA)	1 Okt, 2016	11
8.	<i>Advance PHP Secure Programming</i>	7 - 10 Nov, 2016	10
9.	<i>Animated Graphic Production using Powtoon & Videoscribe</i>	15 - 17 Nov, 2016	10
10.	<i>Digital Design Software (Adobe Flash and Photoshop)</i>	16 - 18 Nov, 2016	12

SEMINAR TEKNOLOGI UPDATE CIAST 2016: *BIG DATA ANALYTICS*

Big Data merupakan satu program Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia dari Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST). Program ini merupakan salah satu program di bawah pelan jangka pendek yang digubal untuk memberi pendedahan dalam bidang *Big Data* kepada pensyarah, agensi kerajaan dan pihak industri.

Big Data Analytics (BDA) merupakan satu fenomena baru yang mendapat perhatian dari segenap industri. Ini disebabkan oleh lambakan data yang besar dan kompleks yang mempunyai potensi besar untuk dimanipulasi dalam membantu membuat keputusan strategik.

Objektif Seminar:

Memberi pendedahan kepada pensyarah, penyelidik dan komuniti sekitar (agensi kerajaan dan industri) tentang bidang *Big Data* dan kepentingannya secara keseluruhan.

- Memberi pendedahan berkaitan teknologi berkaitan BDA.
- Berkongsi pengalaman dan *success stories* projek BDA yang telah dilaksanakan.
- Mewujudkan kerjasama Awam-Swasta antara jabatan/agensi kerajaan dan Industri BDA.

UNIT PEMBANGUNAN PROFIL PENGAJAR KEMAHIRAN

Unit Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran (UPPPK) dipertanggungjawabkan untuk membantu merealisasikan salah satu dari teras yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), iaitu meningkatkan pembangunan modal insan negara. Salah satu daripada usaha untuk memenuhi teras ini adalah dengan membangunkan pangkalan data berpusat mengenai profil jurang kompetensi dan menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan.

Untuk memenuhi matlamat ini satu projek Profiling Pengajar Kemahiran diperkenalkan. Projek ini bertujuan mengenalpasti jurang kemahiran seseorang tenaga pengajar kemahiran dan seterusnya menutup jurang yang wujud melalui latihan yang tepat dan berstruktur supaya melahirkan tenaga pengajar kemahiran berkualiti bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.

Profiling Pengajar Kemahiran mengumpulkan data keterampilan pengajar kemahiran mengikut bidang, melalui semakan *Ability Check List* yang dibangunkan menggunakan kaedah *CUDBAS* (*Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure*). Tiga skop kompetensi merangkumi:

- Kompetensi yang diperlukan oleh seseorang pengajar untuk mengajar sesuatu program latihan kemahiran.
- Maklumat kompetensi seseorang pengajar.
- Jurang kompetensi pengajar untuk mengajar sesuatu program latihan kemahiran

RINGKASAN AKTIVITI UNIT PEMBANGUNAN PROFIL PENGAJAR KEMAHIRAN (UPPPK)

Aktiviti	Sasaran		Pencapaian	
	Bil Kursus	Bil Peserta	Bil Kursus	Bil Peserta
Bengkel Pembangunan Manual Profiling	1	20	1	31
Bengkel Pembangunan Ability Checklist	20	120 Abilities/ 480 peserta	22	125 Abilities/ 589 peserta
Kursus Pembangunan Asas CUD-BAS	15	300	18	356
Kursus Pembangunan Lanjutan CUDBAS	6	108	4	99
JUMLAH	42	428	45	1075

UPPK telah menjalankan empat aktiviti utama sepanjang tahun 2016 dimana peserta terdiri daripada 18 agensi seperti:-

1. JABATAN TENAGA MANUSIA
2. JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
3. JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI
4. MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA – IKM/KKTM)
5. KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
6. BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (BPTV)
7. MAKTAB TEKNIK PDRM
8. JABATAN PENJARA MALAYSIA
9. ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
10. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
11. AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)
12. MAJLIS LATIHAN PERTANIAN KEBANGSAAN (NATC)
13. PUSAT KECEMERLANGAN TEKNIKAL SARAWAK (CENTEXS)
14. GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE
15. GIATMARA SDN BHD
16. UNIVERSITI KUALA LUMPUR
17. LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)
18. PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)



Aktiviti Peserta Kursus Asas CUDBAS



Aktiviti Peserta Kursus Asas CUDBAS



Aktiviti Peserta Bengkel Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran



UNIT PEMBANGUNAN FASILITATOR

Unit Pembangunan Fasilitator adalah unit yang bertanggungjawab untuk melaksanakan latihan bagi menyokong pembangunan standard dan kurikulum yang berdasarkan NOSS serta membangunkan fasilitator yang merupakan personel utama dalam menghasilkan standard dan kurikulum latihan yang berkualiti bagi mencapai standard pekerjaan yang memenuhi kehendak industri negara. Berikut adalah latihan-latihan yang terlibat:



- Kursus Pembangunan NOSS (DESCUM)
- Kursus Pembangunan *Written Instructional Material* (WIM)
- Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (PS)
- Latihan Sangkutan Fasilitator NOSS/WIM/PS
- Kursus Kemahiran Fasilitator (DESCUM/WIM/PS/CUDBAS)



- ♦ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 2/2016
- ♦ Tarikh : 14 – 18 Mac 2016
- ♦ Tempat : Hotel Seri Malaysia Marang Terengganu



- ♦ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 3/2016
- ♦ Tarikh : 4 – 8 April 2016
- ♦ Tempat : Intekma Resort Shah Alam Selangor.



- ◆ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 7/2016
- ◆ Tarikh : 11 – 15 April 2016
- ◆ Tempat : Hotel Ancasa Port Dickson



- ◆ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 9/2016
- ◆ Tarikh : 9 – 13 Mei 2016
- ◆ Tempat : Hotel Carlton Shah Alam



- ◆ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 14/2016
- ◆ Tarikh : 1 – 5 Ogos 2016
- ◆ Tempat : Hotel Merrida Klang



- ◆ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 18/2016
- ◆ Tarikh : 5 – 9 September 2016
- ◆ Tempat : Hotel Carlton Shah Alam



- ♦ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 21/2016
- ♦ Tarikh : 24 – 28 Oktober 2016
- ♦ Tempat : Hotel Excelsior Ipoh Perak



- ♦ Nama aktiviti : Taklimat Pembangunan WIM Siri 1/2016
- ♦ Tarikh : 24 Mei 2016
- ♦ Tempat : ADTEC Melaka



- ◆ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan NOSS Siri 1/2016
- ◆ Tarikh : 7 – 11 MAC 2016
- ◆ Tempat : Hotel Summit USJ Subang Jaya



- ◆ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan Soalan Siri 10/2016
- ◆ Tarikh : 10 -14 Oktober 2016
- ◆ Tempat : Hotel Carlton Shah Alam



- ♦ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 22/2016
- ♦ Tarikh : 21 – 25 November 2016
- ♦ Tempat : Intekma Resort Shah Alam



- ♦ Nama aktiviti : Kursus Pembangunan WIM Siri 10/2016
- ♦ Tarikh : 30 Mei – 3 Jun 2016
- ♦ Tempat : Hotel Excelsior Ipoh Perak

CUDBAS LEADER

Bil.	Perkara	Bil. Kursus/Bengkel/ Taklimat/Seminar	Bil. Peserta
1.	Bengkel Penyediaan Bahan Taklimat Bagi Program Pembangunan WIM	1	20
2.	Kursus Pembangunan WIM dan Penilaian Berasaskan NOSS Format Baru	22	492
3.	Taklimat WIM dan Penilaian Berasaskan NOSS Format Baru	5	210
4.	Bengkel Penyediaan Bahan Taklimat Bagi Program Pembangunan Soalan	1	20
5.	Kursus Pembangunan Soalan	11	224
6.	Latihan Sangkutan Fasilitator (DESCUM/WIM) (Bengkel Kemaskini Panduan LSF/1 bahan taklimat)	-	130
7.	Kursus Pembangunan NOSS (DESCUM)	7	139
8.	Taklimat Pembangunan NOSS (DESCUM)	5	163
9.	Bengkel Bahan Pembelajaran dan Pengajaran Fasilitator	1	13
10.	Kursus Pembangunan Fasilitator DESCUM / WIM	7	121
11.	Majlis Penyerahanan Sijil Fasilitator	1	116

FASILITATOR

Bil	FASILITATOR NOSS(DESCUM)/ WIM/CUDBAS	TAHUN						Jumlah (Aktiviti)
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	
1	Fasilitator NOSS (DACUM/ DESCUM)	26	97	42	69	39	58	331
2	Fasilitator WIM	9	19	6	8	19	40	101
3	CUDBAS Leader	-	2	12	-	11	33	58
4	Pembangunan Soalan	Tiada Pembangunan Fasilitator					32	32
Jumlah mengikut tahun		35	118	60	77	69	163	522

**Kursus Pembangunan NOSS Siri 1/2016**

Tarikh : 7 – 11 Mac 2016

Tempat : Hotel Suunah Kekabu, Shah Alam

Taklimat Pembangunan WIM Siri 1/2016

Tarikh: 24 Mei 2016

Tempat Hotel Summit USJ Subang Jaya

**Kursus Pembangunan NOSS Siri 1/2016**

Tarikh : 7 – 11 Mac 2016

Tempat : Hotel Suunah Kekabu, Shah Alam

Taklimat Pembangunan WIM Siri 1/2016

Tarikh: 24 Mei 2016

Tempat Hotel Summit USJ Subang Jaya



CUDBAS LEADER

CUDBAS

CUDBAS (Curriculum Development Based on Vocational Ability) merupakan salah satu kaedah pembangunan kurikulum yang berdasarkan kemahiran. CUDBAS membantu organisasi untuk mengenalpasti dan memperkemas proses kerja, mengurangkan kos latihan, dan meningkatkan kualiti kepakaran pekerja serta mengurangkan pembaziran pengeluaran yang disebabkan oleh kesilapan manusia. Ianya akan memberikan perspektif yang lebih jelas berkenaan pengetahuan, kecekapan dan sikap pekerja dalam melakukan tugasan.

UNIT PEMBANGUNAN LATIHAN DAN MODAL INSAN

i. Pelaksanaan Latihan/Kursus Kakitangan CIAST 2016

Dalam perancangan latihan dalaman tahun 2015 yang dibangunkan berdasarkan Analisa Keperluan Latihan (TNA) pada penghujung tahun 2015, sebanyak 6 latihan dalaman telah dikemukakan untuk dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan mengurus OS29000. Secara keseluruhan kesemua latihan dalaman yang telah dirancang berjaya dilaksanakan dengan kehadiran peserta sebanyak 137 kakitangan. Selain daripada 6 latihan dalaman yang telah dilaksanakan, sebanyak 4 latihan tambahan dengan bilangan peserta sebanyak 59 pegawai juga turut diuruskan oleh Unit Pembangunan Latihan dan Modal Insan (UPLMI). Latihan-latihan tambahan ini dilaksanakan berdasarkan rasional, impak dan keperluan latihan khas bagi peningkatan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar latihan vokasional di CIAST. Jadual berikut menunjukkan perincian perlaksanaan latihan bagi tahun 2016.

Bil	Kategori	Dirancang	Dilaksana	Jumlah Hari	Sasaran Peserta	Jumlah Peserta	Pencapaian (%)
1	Latihan Dalaman Berdasarkan Kalendar Latihan Dalaman Kakitangan CIAST 2015	6	6	13	120	137	114%
2	Latihan Tambahan	-	4	8	-	59	-
JUMLAH		6	10	21	120	196	114%

ii. Laporan Keseluruhan Kehadiran Latihan Kakitangan CIAST 2016

Secara keseluruhannya, 74% kakitangan CIAST telah berjaya melengkapkan jumlah sekurang-kurangnya 7 hari berkursus setahun pada tahun 2016. Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil. 6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi melengkapkan diri dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian.

Jumlah Kakitangan		Kehadiran Kursus Tahun 2015	
		> 7 Hari	< 7 Hari
	262	74%	26%
		194	68

iii. Senarai Kakitangan CIAST Yang Memohon Latihan/Aktiviti Luar Negara 2016

Secara keseluruhannya sehingga Disember 2016 sebanyak TIGA (3) permohonan bagi mengikuti latihan/aktiviti luar negara pada tahun 2016 yang telah direkodkan. Jumlah keseluruhan kakitangan yang terlibat ialah seramai TIGA (3) orang pegawai. Jadual berikut menunjukkan maklumat keseluruhan latihan dan aktiviti luar negara bagi tahun 2016.

Bil	Kursus	Negara	Tarikh	Nama Kakitangan
1	<i>JICA Training in Japan: Enhancement of Training Management in Vocational Training Institutions 2016</i>	Jepun	13 Jun – 23 Julai 2016	Mohd Faisal bin Yusof
2	<i>Administration for Occupational Skills Development 2016</i>	Jepun	10 Oktober – 05 Nov 2016	Hamdan bin Hashim
3	<i>Capacity Building Programme for Vocational Training Instructors in Japan 2017</i>	Jepun	Januari 2017 – Mac 2018	Mohd Zahiri bin Salleh

iv. Senarai Kakitangan Memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) 2017

Sebanyak SATU (1) pencalonan bagi Hadiah Latihan Persekutuan telah direkodkan pada tahun 2016 dimana seramai DUA (2) orang pegawai telah membuat permohonan bagi tawaran tersebut. Permohonan adalah bagi mengikuti pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Jadual berikut menunjukkan maklumat keseluruhan permohonan Hadiah Latihan Persekutuan bagi tahun 2016

Bil	Nama Kakitangan	Nama Latihan / Kursus	Gred
1	Ganesan a/l V. Murugesu	Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) & Cuti Belajar Bergaji Penuh 2017 (Doktor Falsafah)	J44
2	Ku Azmie bin Ku Husin	Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) & Cuti Belajar Bergaji Penuh 2017 (Sarjana)	J44

PEMERKASAAN PROGRAM LATIHAN DAN PERSONEL KEMAHIRAN

PENGURUSAN PERSONEL LANTIKAN

Pengurusan Personel Lantikan terbahagi kepada tiga (3) iaitu:

- i. Daftar Pakar Industri Negara (DPIN);
- ii. Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulahan (PPKSPP);
- iii. Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir.

DIREKTORI PAKAR INDUSTRI NEGARA (DPIN)

DPIN merupakan satu kumpulan data yang diwujudkan untuk mengumpul, mendaftar dan memperakukan personel yang berpengalaman luas dan berkemahiran dalam sektor industri mengikut kriteria yang telah digariskan dalam Panduan Permohonan Pendaftaran DPIN. Sejak tahun 2008 sehingga kini, sejumlah 22,286 perakuan telah dibuat seperti di jadual berikut.

BIL	PERAKUAN	PERMOHONAN 2016	LULUS 2016	LANTIKAN TERKUMPUL (2008 – 2016)
1.	PIND	Pakar Industri	600	395
2.	PAJAR	Pakar Pengajar	991	767
3.	PPL	Pegawai Pengesah Luaran	1,109	667
4.	PPL-PLV	Pegawai Pengesah Luaran-Pegawai Latihan Vokasional	291	207
5.	PPL-SLDN	Pegawai Pengesah Luaran- Sistem Latihan Dual Nasional	398	349
6.	PP-PPT	Pegawai Penilai- Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu	806	563
7.	PPL-PPT	Pegawai Pengesah Luaran-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu	377	223
8.	HAKIM	Panel Hakim Pertandingan Kemahiran	93	26
9.	PNOSS	Panel NOSS	343	269
JUMLAH		5,008	3,466	22,286

Statistik Personel Pakar JPK sehingga Tahun 2016

Pada tahun 2016 sebanyak 3466 daripada 5008 permohonan telah diluluskan bagi 9 perakuan. Pecahan peratus perakuan pakar yang telah diluluskan boleh dilihat pada carta berikut.

Peratus Personel Pakar JPK Mengikut Jawatan untuk Tahun 2016

PERAKUAN	PERMOHONAN
PEGAWAI PENGESAH LUARAN	667, 19 %
PAKAR PENGAJAR	767, 22 %
PAKAR INDUSTRI	395, 11 %
PANEL NOSS	269, 8 %
PEGAWAI PENGESAH LUARAN- SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL	349, 10 %
PANEL HAKIM PERTANDINGAN KEMAHIRAN	26, 1 %
PEGAWAI PENILAI-PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU	563, 16 %
PEGAWAI PENGESAH LUARAN-PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU	223, 7 %


Pada tahun 2016, permohonan pakar bagi beberapa sub sektor dalam Sektor 10: Perubatan dan Farmaseutikal dibekukan.

PPKSPP

Perakuan yang diberi melayakkan personel diperakukan secara sah sebagai personel pentaulahan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi program yang layak sahaja. Perakuan diberi adalah berdasarkan kelayakan yang dimiliki oleh personel dan program yang diluluskan adalah merujuk kepada National Occupational Skills Standard (NOSS) terkini yang sedang berkuat kuasa.

PERAKUAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN SEBAGAI PERSONEL PENTAUULIHAN (PPKSPP)

PPKSPP merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh KPKK kepada Personal Pentaulihan JPK. Di bawah Personel Pentaulahan PB, terdiri daripada LAPAN (8) jawatan. Walau bagaimana pun, sehingga kini hanya LIMA (5) jawatan yang dilantik. Pegawai Pengesah Dalaman terbagi kepada DUA (2) jawatan lantikan iaitu Pegawai Pengesah Dalaman dan Pegawai Pengesah Dalaman—Pegawai Latihan Vokasional dan Pegawai Penilai juga terbahagi kepada DUA (2) jawatan lantikan iaitu Pegawai Penilai dan Pegawai Penilai – Pegawai Latihan Vokasional. Buat masa ini, personal Pusat Bertaualiah Antarabangsa (PB AB) belum ada sebarang permohonan. Di bawah Personal Pentaulahan SLDN, terdiri daripada DUA (2) jawatan. Sehingga kini, jumlah lantikan PPKSPP adalah sejumlah 29,156 orang.



KURSUS INDUKSI PENTAUULIAHAN (PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL)


Unit Kursus Induksi Pentauliahan (KIP) di bawah Program Kelayakan Kekompetenan (KK), CIAST berfungsi untuk merancang dan melaksanakan tiga (3) jenis Kursus Induksi Pentauliahan seperti berikut :

- I.Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPD-PPB;
- II.Kursus Induksi Pentauliahan PP-PPT;
- III.Kursus Induksi Pentauliahan PPL.

Penganjur-penganjur KIP adalah terdiri daripada penganjur swasta atau awam bersama CIAST selaku penyelaras kursus. Dua (2) orang penceramah telah ditugaskan bagi setiap penganjuran KIP. Penceramah terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat JPK Putrajaya, Cyberjaya, JPK Wilayah-Wilayah dan CIAST sendiri. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 293 penganjuran KIP telah dijalankan di seluruh negara dengan jumlah penganjuran dan peserta mengikut jenis KIP seperti jadual di bawah.

Jenis KIP	Bilangan Penganjuran	Bilangan Peserta
PP-PPD-PPB	189	5,955
PP-PPT	43	1,207
PPL	61	2,281
JUMLAH	293	9,443

Penganjuran dan bilangan peserta KIP 2016





BENGKEL PEMANTAPAN & PENILAIAN PEMBAHARUAN PPL

Bengkel Pemantapan & Penilaian PPL telah dilaksanakan sejak tahun 2009 bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme dan kekompetenan pakar dalam melaksanakan verifikasi penilaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Medium bagi Bengkel Pemantapan & Penilaian PPL adalah melalui pembentangan kajian kes secara individu dan penilaian bertulis di mana setiap personel lantikan PPL, PPL-SLDN, PPL-PLV, PPL-PPT, PP-PPT yang ingin memperbaharui lantikan perlu mengikuti bengkel ini dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat lantikan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan personel yang dilantik mempunyai pengetahuan dan maklumat yang tepat, jelas dan terkini mengenai Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta kefahaman setiap personel yang dilantik adalah seragam dan betul. Pada tahun 2016, seramai 218 orang PPL telah menduduki penilaian pembaharuan lantikan dan lulus penilaian tersebut.



**Bengkel Pemantapan &
Penilaian Pembaharuan PPL**

SEMINAR PENGAJAR KEMAHIRAN MALAYSIA - TECHNICAL TALK



Nama Seminar	: Seminar <i>Welding Technical Talk Coaching And Mentoring With Korean Worldskills Competition Expert</i>
Tarikh	: 11 Ogos 2016 (Khamis)
Tempat	: Bengkel Kimpalan CIAST
Bilangan Peserta	: 150 orang peserta

Penceramah	: Prof Dr. Chung Kuh Hyun
	<ul style="list-style-type: none">◆ Dari Korea Politechnic College Hwasung Campus.◆ Doktor Falsafah dalam bidang metal engineering.◆ Digelar <i>Engineer of Welding</i> selain mempunyai pengalaman yang luas dalam pertandingan kemahiran peringkat dunia.



Nama Seminar : *Seminar What's Trending in Electronic Market?*

Tarikh : 26 Mei 2016 (Khamis)

Tempat : Auditorium CIAST

Dirasmikan Oleh : Pengarah CIAST, Encik Suimi Bin Abdul Majid

Bilangan Peserta : 259 orang peserta

Penceramah 1 : Encik Mohamad Ariffin bin Zulkifli dari MyDuino

Tajuk : *Internet Of Things*

Penceramah 2 : Encik Amiruddin bin Zahamail dari SIEMENS

Tajuk : SIEMENS – On The Way To Industry 4.0

Penceramah 3 : Encik Ismail bin Adam—Pakar Industri Negara (Elektronik)

Sesi *Coaching & Mentoring* bersama Pakar Industri Negara

BAB 03

KURSUS ANTARABANGSA

Program Antarabangsa

PROGRAM TINDAKAN DI BAWAH MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) KERJASAMA DALAM BIDANG PENTADBIRAN AWAM DAN TADBIR URUS

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DAN KERAJAAN REPUBLIK INDIA

INISIATIF 2: ATTACHMENT FOR ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC), KUALA LUMPUR 2016; 19 September 2016 – 30 September 2016.

Program Tindakan (PoA) ke—2 *Technical Vocational Education and Training (TVET) & Skills Instructor Attachment*

Tempoh : Tiga (3) tahun dengan pelbagai inisiatif pelaksanaan bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2018.

Tujuan : Memberi pendedahan kepada peserta dari India dengan mengambil peluang pelaksanaan ASC yang dihoskan oleh Malaysia.

Tarikh : 2 minggu bermula pada 19 hingga 30 September 2016

Peserta : 2 pegawai kerajaan dari *Ministry of Skill Development & Entrepreneurship*, India yang terlibat secara langsung dengan latihan kemahiran di India.

Objektif :

Program ini mampu mengangkat martabat bidang kemahiran di mata dunia dengan menyediakan platform yang baik untuk dilaksanakan di India.



Di sekitar Majlis Penutupan dan Penyerahan Sijil kepada peserta


Attachment for ASEAN Skills Competition Kuala Lumpur 2016



THIRD COUNTRY COUNTERPART TRAINING FASA 1: ELECTRICAL INSTRUMENT & MEASUREMENT AND MAINTENANCE OF CUBICLE TYPE HIGH VOLTAGE RECEIVING EQUIPMENT

Tarikh : 10 Oktober – 4 November 2016

Pihak JICA Cambodia telah menyatakan hasrat untuk melantik pihak CIAST sebagai organisasi yang menyediakan latihan kepada pengajar yang terdiri daripada TIGA (3) institusi perintis di Kemboja. Projek yang bermatlamat untuk menyediakan latihan di peringkat Diploma dalam bidang Elektrikal di Kemboja ini, melibatkan dua (2) fasa pelaksanaan dalam satu program. Fasa yang terlibat adalah latihan di Malaysia dan penghantaran pengajar pakar yang akan menjalankan latihan di Kemboja. Pada tahun ini, pihak JICA Cambodia telah meminta penyediaan latihan dalam bidang Voltan Tinggi di Malaysia di samping melatih pengajar yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan seminar yang bakal diadakan di Kemboja bersama pihak pakar JICA. Program ini dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh 4.5 tahun dengan pelbagai skop pengkhususan dalam bidang Elektrikal.



Latihan telah diadakan di CIAST bagi bidang pengurusan dan pengendalian seminar. Manakala bagi bidang Voltan Tinggi pihak CIAST telah bekerjasama dengan pihak ADTEC Kemaman dalam penyediaan latihan kemahiran tersebut. Melalui latihan yang dilaksanakan, peserta telah diberi pembelajaran khusus dalam bidang pengurusan dan kemahiran teknikal secara praktikal dan teori.

Para peserta turut berpeluang mengikuti dua (2) lawatan teknikal iaitu ke *YTL Power Generation Sdn. Bhd* di Paka serta *INSTEP* di Batu Rakit, Terengganu bagi memberi peluang kepada peserta untuk melihat secara terperinci peralatan, komponen, teknik-teknik dan keperluan teknikal bagi penjanaan kuasa elektrik bervoltan tinggi dalam persekitaran sebenar.



Di sepanjang sesi latihan di CIAST, ADTEC Kemaman dan lawatan industri dalam bidang Elektrikal Voltan Tinggi



Tarikh Mesyuarat Pembukaan :

10 Oktober 2016 di CIAST Shah Alam.

Dirasmikan Oleh :

En. Suimi bin Abd Majid, Pengarah CIAST.

En. Fukazawa Shinsaku,

Senior Representative JICA Malaysia turut menyampaikan ucapan penghargaan.

Majlis Penutup Penyerahan Sijil :

4 November 2016 di CIAST

Program ini juga telah mendapat liputan di laman web utama JICA

<https://www.jica.go.jp/malaysia/english/office/topics/161201.html>



Majlis Penyerahan Sijil yang disempurnakan oleh En Suimi bin Abd Majid, Pengarah CIAST



Para peserta bergambar kenangan dengan Pengarah CIAST, pihak JICA dan para pengajar yang terlibat

MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)

MTCP memberi penekanan kepada pembangunan sumber manusia melalui penyediaan latihan dalam pelbagai bidang yang penting untuk pembangunan sesebuah negara seperti pentadbiran awam, tadbir urus yang baik, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pembangunan mampan, pertanian, pembasmiaran kemiskinan, promosi pelaburan, ICT dan perbankan . Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) telah diberi kepercayaan oleh MTCP sebagai salah satu daripada penyedia latihan dan memberi tumpuan kepada Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET) membina keupayaan khusus teknikal bagi jurulatih.

AKUJANJI KERAJAAN PERSEKUTUAN FOR THE SOUTHERN THAILAND.

Program Training Of Trainers for Southern Thailand - Automotive (Vehicle Electrical, Engine Management System And Introduction To Hybrid Technology)

Latar belakang program

Program AKUJANJI di Selatan Thailand bagi golongan belia merupakan program pertama seumpamanya dijalankan oleh CIAST. Golongan belia akan diberi latihan serta pendedahan dalam pelbagai aspek berkaitan keusahawanan dan perniagaan terutamanya perkara melibatkan pertukangan, mekanikal, automotif, pengusahaan bengkel, pengurusan kewangan, galakan kewangan, modal, import dan eksport, serta motivasi.

Objektif

Program ini bertujuan untuk membina kualiti kehidupan yang lebih cemerlang dan berkualiti buat kumpulan anak-anak muda yang memerlukan terutamanya yang tinggal di kawasan Selatan Thailand.

Meneruskan kesinambungan hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand.

Meningkatkan imej Malaysia di Selatan Thailand.

Maklumat Latihan

Tempoh	: 3 minggu
Peserta	: 10 orang
Tarikh kursus	: 1 Ogos – 19 Ogos 2016
Tempat	: CIAST, Shah Alam



Modul elektrikal dalam kursus Automotif



Lawatan di ADTEC Melaka

AKUJANJI KERAJAAN PERSEKUTUAN (AKP) FOR SINGLE MOTHER IN THE SOUTHERN PHILIPPINES

Program Bakery and Entrepreneurship Program For Single Mothers in Southern Philippines

Latar Belakang Program

Kementerian Luar Negeri (KLN) telah mengadakan satu perbincangan berkenaan dengan Program AKUJANJI Persekutuan MTCP pada 2 Februari 2016 di Wisma Putra, Putrajaya di mana CIAST telah diberi kepercayaan oleh KLN untuk melaksanakan 3 Program AKUJANJI Persekutuan MTCP iaitu *Bakery and Entrepreneurship Program For Single Mothers in Southern Philippines di Davao, Filipina, Technical Training in Mechanical Sector to Young People in the Southern Phillipines di Davao, Filipina dan Training Of Trainers for Southern Thailand* di CIAST, Shah Alam.

Golongan ibu tunggal yang terlibat dalam sektor perniagaan kurang diberi latihan serta pendedahan dalam pelbagai aspek berkaitan keusahawanan dan perniagaan. Ianya termasuklah perkara yang melibatkan proses pemasaran, kawalan mutu, pembangunan produk, teknologi pengeluaran, pengurusan kewangan, galakan kewangan, modal, import dan eksport, serta motivasi.

Objektif

Program ini bertujuan untuk membina kualiti kehidupan yang lebih cemerlang dan berkualiti buat kumpulan ibu tunggal yang memerlukan terutamanya yang tinggal di kawasan Selatan Filipina.

- i. Meneruskan kesinambungan hubungan dua hala antara negara dan membuka ruang penerokaan dalam bidang perniagaan kepada ibu tunggal di Filipina.
- ii. Meningkatkan imej Malaysia di Selatan Filipina.

Maklumat Latihan

- i. Tempoh : 3 minggu
- ii. Peserta : 10 orang
- iii. Tarikh kursus : 11 Julai – 22 Julai 2016
- iv. Tempat : Davao City, Filipina



*The Tagum National Trade School (TNTS),
Apokon, Philippines*



Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) 2016 -Mechatronics (Industrial Automation)

Tarikh : 26 Julai 2016 hingga 12 Ogos 2016 (3 minggu)

Tempat : Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST

